

Utara: Kedah ambil alih 1,172 hektar sawah dipajak

Oleh Nahar Tajri
nahar@bharian.com.my

Pemilik dapat faedah melalui pelbagai bantuan subsidi

JITRA: Kerajaan akan mengambil alih semua 1,172 hektar sawah di negeri ini yang dipajak atau disewakan kepada pihak lain bagi membolehkan pemiliknya mendapat faedah secara langsung melalui pelbagai bantuan subsidi.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd Johari Baharum, berkata sawah yang diambil alih itu mungkin akan diserahkan kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan diusahakan secara mini estet untuk meningkatkan pengeluaran padi.

Katanya, kebanyakan tanah yang disewakan atau dipajak itu adalah milik warga tua yang sudah tidak mampu mengusahakan sawah mereka, manakala anak mereka pula tidak berminat mengusahakannya.

"Ketika ini kebanyakan sawah itu mengeluarkan hanya tiga tan sehektar dan jika diambilalih dan diusahakan secara mini estet hasilnya boleh meningkat kepada lebih enam tan sehektar, sekali gus meningkatkan pendapatan pemilik tanah.

"Setakat ini kerajaan melalui Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) sudah mengambil alih 200 hektar sawah sejak akhir tahun lalu," katanya selepas mengadakan perjumpaan dengan pemimpin PPK daerah Kubang Pasu di sini, semalam.

Hadir sama, Pengarah LPP, Abdul Nasir Hassan.

Mohd Johari berkata, selama ini pemilik tanah rugi kerana sawah mereka dipajak atau disewa dengan harga yang rendah dan ia menghalang usaha kerajaan meningkatkan pendapatan golongan itu.

Katanya, disebabkan tanah itu dipajak atau disewakan mereka juga tidak menikmati bantuan subsidi sebanyak RM2,200 sehektar bagi setiap musim.

"Disebabkan masalah itu, kerajaan menganggarkan peruntukan banyak RM5.2 juta setiap tahun yang disalurkan kerajaan tidak dapat dinikmati oleh pemilik sawah," katanya.

Sementara itu, Mohd Johari berkata, beliau sudah mengarahkan supaya semua PPK menubuhkan biro petani muda sebagai langkah drastik untuk mencari pelapis dalam sektor pertanian yang sebenarnya mampu menghasilkan pendapatan lumayan.

Malah, petani muda akan dilatih mengikut skim latihan yang diwujudkan kerajaan untuk memudahkan masyarakat khususnya petani muda menimba pengetahuan dalam bidang pertanian.

"Ketika ini 70 peratus daripada petani kita berusia 56 tahun ke atas dan penyertaan tenaga muda amat perlu untuk memastikan sektor penting ini sentiasa dapat diteruskan dengan aktif," katanya.

Beliau juga bersetuju supaya isu kawalan penyakit dan makhluk perosak, termasuk siput gondang emas, tikus dan bena perang diserahkan kepada kerajaan supaya lebih berkesan.